AUTHOR: ASWANY OMAR KOTA BHARU SECTION: NASIONAL PAGE: 11 PRINTED SIZE: 321.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,805.00 ITEM ID: MY0056103934



22 OCT, 2023

Statistik `keperluan` setiap individu

Sinar Harian, Malaysia

Statistik 'keperluan' setiap individu

Pandu arah tentukan kesejahteraan rakyat

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Statistik merupakan 'keperluan' setiap individu dan penting sebagai pandu arah menentukan kesejahteraan rakyat, selari tema sambutan Hari Statistik Negara tahun ini iaitu Statistik Nadi Kehidupan.

Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Kelantan, Fareza Mohamed Sani berkata, penganjuran program tahunan itu bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan statistik dan mengiktiraf sumbangan ahli statistik negara.

Menurutnya, ia turut menjadikan statistik sebagai satu budaya bagi membuat keputusan berdasarkan fakta dan data.



Fareza (dua dari kiri) menerima cenderamata daripada Abdol Samad selepas merasmikan Mini Karnival Statistik Sempena Perayaan Hari Statistik Sedunia di Kota Bharu pada Sabtu.

"Justeru, DOSM dengan kerjasama pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kota Bharu menganjurkan Mini Karnival Statistik Negara sempena Hari Statistik Negara peringkat Negerl Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Mini Karnival Statistik Sempena Perayaan Hari Statistik Sedunia bersama Rektor UiTM Cawangan Kelantan, Profesor Dr Abdol Samad Nawi di sini pada Sabtu.

Menurut Fareza berkata, mini karnival tersebut melibatkan lebih 400 penyertaan terdiri daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan penuntut dari institusi pengajian tinggi.

Jelas beliau lagi, Hari Statistik Negara diraikan oleh pelbagai golongan termasuk pembekal dan pengguna statistik agensi kerajaan serta swasta, institusi pendidikan di peringkat rendah, menengah dan tertiari, komuniti perniagaan, individu serta penyelidik.


"DOSM Kelantan turut mengadakan program Bersama Komuniti di Rumah Anak Yatim dan Dhuafa' Siti Aminah Tumpat, Mini Karnival Statistik UiTM Cawangan Kota Bharu serta Northern StatsRun di USM Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal Pulau Pinang.

"DOSM Kelantan percaya dapat memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat dan meningkatkan kerjasama dengan pembekal data," katanya.

Maklumat lanjut berkaitan statistik yang dikeluarkan oleh DOSM boleh didapati di laman web *https://www.dosm.gov.my* dan aplikasi MyLocal Stats.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: ASWANY OMAR KOTA BHARU SECTION: NASIONAL PAGE: 11 PRINTED SIZE: 321.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 6,805.00 ITEM ID: MY0056103934



22 OCT, 2023

Statistik `keperluan` setiap individu

Sinar Harian, Malaysia

SUMMARIES

Pandu arah tentukan kesejahteraan rakyat

Statistik merupakan ‘keperluan’ setiap individu dan penting sebagai pandu arah menentukan kesejahteraan rakyat, selari tema sambutan Hari Statistik Negara tahun ini iaitu Statistik Nadi Kehidupan.Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Kelantan, Fareza Mohamed Sani berkata, penganjuran program tahunan itu bertujuan meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan statistik dan mengiktiraf sumbangan ahli statistik negara.Menurutnya, ia turut menjadikan statistik sebagai satu budaya bagi membuat keputusan berdasarkan fakta

dan data.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.